



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

**HARGA MINYAK GLOBAL MENINGKAT, KERAJAAN TERUS KEKALKAN  
HARGA BERSUBSIDI DEMI LINDUNGI RAKYAT**

---

Krisis tenaga global yang masih berlarutan telah mendorong lonjakan harga minyak mentah Brent global melebihi 40%, sehingga melepasi paras AS\$100 setong. Lebih kritikal, harga minyak yang diproses (*refined product*) bagi petrol dan diesel juga melambung tinggi masing-masing pada harga AS\$150 setong dan AS\$250 setong, sekali gus memberi tekanan kepada harga jualan runcit bagi kedua-dua produk berkenaan.

Kerajaan komited untuk memastikan rakyat tidak menanggung sepenuhnya kesan kenaikan harga minyak global. Sejak krisis Asia Barat meletus, Kerajaan tidak mengapungkan sepenuhnya harga runcit di pam malah masih menampung sebahagian kos subsidi petrol dan diesel bagi tempoh 3 minggu berturut-turut. Justeru, usaha mengekalkan harga petroleum bersubsidi kepada rakyat serta sektor tertentu akan terus diperkukuh bagi membendung kenaikan harga barangan dan melindungi kesejahteraan rakyat.

Selaras dengan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit petrol dan diesel bagi tempoh **2 April hingga 8 April 2026** adalah seperti berikut:

**Harga Runcit Tanpa Subsidi**

Bahan Api	Harga Runcit
RON97	RM4.95 seliter (harga 1 April 2026: RM5.15 seliter)
RON95	RM3.87 seliter (harga 1 April 2026: RM3.87 seliter)
Diesel (Semenanjung Malaysia)	RM6.02 seliter (harga 1 April 2026: RM5.52 seliter)

Manakala, Kerajaan masih mengekalkan **harga bersubsidi** secara bersasar kepada rakyat dan sektor tertentu seperti berikut:

Bahan Api	Harga Subsidi
RON95 (BUDI95)	RM1.99 seliter
Diesel (Sabah, Sarawak dan W.P Labuan)	RM2.15 seliter
Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS)	RM2.05 seliter
Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)	RM2.15 seliter

Bermula **1 April 2026**, had kelayakan BUDI95 diselaraskan kepada 200 liter sebulan. Pelarasan ini merupakan langkah sementara sehingga keadaan bekalan global kembali stabil.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan **had pengisian diesel** bagi mengekang ketirisan dan penyeludupan di **Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan** seperti berikut:

<b>Had Pengisian Diesel</b>	<b>Kategori Kenderaan</b>
Maksimum 50 liter setiap pembelian	Kenderaan ringan pengangkutan darat awam barangan dan persendirian
Maksimum 100 liter setiap pembelian	Kenderaan pengangkutan darat awam dan barangan tidak melebihi 3 tan
Maksimum 150 liter setiap pembelian	Kenderaan melebihi 3 tan

Sebagai langkah interim susulan kenaikan harga diesel, Kerajaan mengekalkan bantuan tunai tambahan **BUDI Diesel sebanyak RM100 pada bulan April, menjadikan jumlah bantuan sebanyak RM300 kepada penerima BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi.**

Selain langkah interim ini, Kerajaan juga sedang mempertimbang langkah-langkah jangka sederhana dan panjang bagi memastikan mekanisme subsidi kekal mampan, telus dan memanfaatkan rakyat, dengan mengambil kira perkembangan semasa krisis tenaga global serta implikasi terhadap pasaran tenaga global.

Kerajaan MADANI akan terus mengimbangi keperluan fiskal dengan perlindungan rakyat secara teliti dan berhemah bagi memastikan kesejahteraan ekonomi negara serta kelangsungan hidup rakyat terus terpelihara.

## **Kementerian Kewangan**

Putrajaya

1 April 2026